

# Dadah: Wanita mengaku tidak bersalah dibebas dengan jaminan

**MIRI:** Seorang wanita diperintahkan dibebas dengan jaminan RM2,000 berserta dua penjamin tempatan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memiliki syabu.

Mahkamah menetapkan 29 September depan sebagai tarikh sebutan semula kes selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar yang memohon

penetapan tarikh baharu sementara menunggu laporan kimia berhubung barang kes.

Tertuduh, Uta Seripa, 35, dari Sarikei didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga tidak melebihi RM100,000 atau penjara

hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.65 gram pada jam 2.50 petang, 11 Ogos lalu di hadapan sebuah tandas awam di Jalan Cythula di sini.

Prosiding dijalankan di hadapan Majistret Ashok Linggam manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.